

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN HAJAH FUZIAH BINTI SALLEH
[KUANTAN]**

TARIKH : 17 NOVEMBER 2020 (SELASA)

SOALAN

PUAN HAJAH FUZIAH BINTI SALLEH [KUANTAN] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan dalam usaha membangunkan wakaf sebagai sektor ketiga ekonomi negara. Bagaimana pula peranan yang boleh di mainkan oleh institusi waqaf dalam membina sosioekonomi umat Islam.

JAWAPAN

**YB SENATOR DATUK DR. HAJI ZULKIFLI MOHAMAD AL-BAKRI,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (HAL EHWAL AGAMA)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, wakaf adalah termasuk dalam senarai bidang kuasa negeri mengikut Butiran 1, Senarai 2, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan. Oleh itu, Majlis Agama Islam Negeri-negeri (MAIN) selaku pemegang amanah tunggal bagi semua urusan wakaf di negeri masing-masing adalah bertanggungjawab untuk memastikan wakaf diuruskan dengan sebaiknya.

2. Kerajaan berazam untuk membangunkan wakaf sebagai sektor ketiga ekonomi negara dengan berperanan mengurangkan penggantungan terhadap perbelanjaan dan kutipan cukai. Hasrat Kerajaan pada masa kini adalah menjadikan wakaf sebagai sektor ketiga ekonomi negara sebagai pelengkap kepada sektor pertama (Kerajaan)

dan sektor kedua (swasta). Bagi tujuan ini, Yayasan Waqaf Malaysia (YWM) dalam fasa akhir mewujudkan Tabung Wakaf Pendidikan Negara dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia dan Tabung Wakaf Kesihatan Negara dengan kerjasama Kementerian Kesihatan Malaysia yang mana manfaat dana ini kelak boleh membantu membaik pulih / pembangunan infra / fasiliti pendidikan dan kesihatan. Terkini, YWM akan bekerjasama dengan Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) mengenai pelaksanaan cadangan penubuhan Tabung Wakaf Air Malaysia merangkumi pembiayaan pelaksanaan projek-projek pemuliharaan sumber air, projek kecemasan bekalan air dan projek penyelenggaraan bekalan air sedia ada yang telah merosot di kawasan luar bandar.

3. Peranan yang boleh di mainkan oleh institusi wakaf dalam membina sosioekonomi umat Islam ialah Kerajaan menerusi Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR), Yayasan Waqaf Malaysia (YWM) bersama MAIN sentiasa berkerjasama untuk memajukan harta wakaf bagi memperkasakan lagi sosioekonomi umat Islam di seluruh negara. Sehingga kini, JAWHAR telah berjaya membangunkan 18 projek berimpak besar, dimana 17 buah projek pembangunan tersebut telah siap dan beroperasi. Manakala satu (1) projek fizikal lagi masih dalam pembinaan.
4. Peruntukan bajet pembangunan dalam Rancangan Malaysia ke Sembilan (RMKe-9), RMKe-10, RMKe-11 dan RMKe-12 membuktikan kesungguhan Kerajaan dalam memajukan tanah-tanah wakaf bagi memantapkan ekonomi orang Islam di seluruh negara merangkumi program pembangunan ekonomi, penyediaan perumahan, pendidikan, kesihatan, sosial dan premis perniagaan dalam fokus untuk meningkatkan taraf sosial ekonomi umat Islam dan ianya telah dilihat memberi impak berganda yang amat positif kepada masyarakat Islam secara khususnya selain daripada mampu menjana hasil berterusan kepada dana wakaf MAIN yang berkenaan. Sebagai contoh, projek perumahan di Sungai Nibong dan Butterworth Pulau Pinang telah membuktikan kejayaan Kerajaan dalam Dasar Perumahan Mampu Milik Negara dengan memberikan unit perumahan yang berkualiti kepada masyarakat setempat selaras dengan konsep Satu Keluarga Satu Rumah.

Sekian, terima kasih.